

22 MAR 1998

Mahathir-bank

EKUITI ASING DALAM BANK TEMPATAN TIDAK AKAN LEBIHI 50 PERATUS

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ekuiti asing dalam bank tempatan tidak akan dinaikkan melebihi 50 peratus buat masa sekarang.

Perdana Menteri berkata jika penyertaan pelabur asing ditingkatkan lebih daripada 50 peratus dalam sektor perbankan, bank tempatan akan menjadi bank asing.

"(Tetapi) kita benarkan penyertaan asing pada tahap tertentu dalam bank tempatan," kata beliau kepada pemberita sekembalinya daripada lawatan kerja tiga hari ke Jerman untuk mempromosi Koridor Raya Multimedia.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada penyertaan pelabur asing dalam bank tempatan akan dinaikkan melebihi 50 peratus berikutan minat pelabur Taiwan dalam sektor perbankan di negara ini

Syarikat pelaburan terbesar di Taiwan, China Development Corporation (CDC) sedang mengkaji untuk melabur di sektor perbankan Malaysia. Perkara itu apabila delegasi CDC yang diketuai oleh pengerusinya Dr Liu Tai-Ying menemui Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini pagi tadi.

Buat masa ini, ekuiti asing di bank-bank Malaysia dihadkan kepada 30 peratus.

Dr Mahathir berkata jika pelaburan asing dalam bank tempatan datang dari Taiwan, maka ia tidak menjadi masalah.

"Tak apalah, kalau datang dari Taiwan atau mana-mana pun," katanya.

Ketika ditanya sama ada ekuiti pelabur asing dalam bank tempatan akan dinaikkan kepada 49 peratus, Perdana Menteri berkata Kementerian Kewangan akan mengkaji implikasinya.

Pagi tadi, Liu berkata beliau telah membincangkan dengan Anwar isu melonggarkan ekuiti asing dalam sektor perbankan Malaysia.

"Beliau (Anwar) berjanji cadangan pelaburan akan dikaji atas dasar kes demi kes," kata Liu.

CDC dilaporkan akan melabur AS\$300 juta di Thailand, Indonesia, Malaysia dan Filipina. -- BERNAMA

ES MAI